

MAHATHIR - UMNO

1984

KUALA LUMPUR, 6 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELAKUKAN UPACARA PENYEMPURNAAN BANGUNAN KOMPLEKS BARU UMNO DAN MENSIFATKANNYA SEBAGAI SATU LAMBANG KEJAYAAN ORANG MELAYU DAN BUMIPUTERA.

PERDANA MENTERI BERKATA KOMPLEKS ITU ADALAH SATU MANIFESTASI FIZIKAL PERJUANGAN UMNO SELAMA INI UNTUK MENENTUKAN ORANG MELAYU MENDAPAT KEDUDUKAN SEWAJARNYA DALAM NEGARA INI TERUTAMA DALAM BIDANG EKONOMI.

+OLEH KERANA HASIL PERJUANGAN UMNO ITU, KEDUDUKAN ORANG MELAYU BERTAMBAH KUAT DAN MEREKA MENDAPAT TEMPAT BERNIAGA DAN MEMILIKI BANGUNAN YANG INDAH DAN BESAR DI BANDARAYA INI DAN JUGADI BANDAR-BANDAR LAIN DI SELURUH NEGARA.

+PADA MASA LALU BUKAN SAHAJA TIDAK TERDAPAT KEDAI KEPUNYAAN ORANG MELAYU DI KUALA LUHPUR TETAPI JUGA AMAT KECIL BILANGAN ORANG MELAYU YANG TINGGAL DI SINI, + KATANAYA.

+SAYA MASIH INGAT LAGI DALAM KONVENSYEN PERTAMA UMNO DI KELAB SELANGOR, ORANG MELAYU YANG MEMAKAI BAJU MELAYU DI UPACARA ITU MENJADI BAHAN TONTONAN, + TAMBAHNYA DI UPACARA ITU YANG DIHADIRI OLEH PARA PEMIMPIN UMNO DAN BARISAN NASIONAL TERMASUK TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO PERCAYA PELUANG YANG DIBERIKAN KEPADA BUMIPUTERA UNTUK MENYERTAI LAPANGAN EKONOMI ITU AKAN MENJAMINKAN KEDUDUKAN MEREKA SETANDING DENGAN KAUM LAIN DI SAMPING MERAPATKAN PERHUBUNGAN MEREKA DENGAN RAKYAT KETURUNAN LAIN.

+KITATIDAK MAHU ORANG MELAYU MEMBOLOT SEMUA BIDANG TETAPI KITA MAHU MEREKA DUDUK SAMA RENDAH DAN BERDIRI SAMA TINGGI DENGAN KAUM LAIN.

+INILAH PERJUANGAN UMNO DAN DENGAN TERDIRINYA BANGUNAN INI, SETIAP ORANG MELAYU AKAN DAPAT BERDIRI LEBIH TINGGI DARI KALANGAN KAUM LAIN KERANA MEMPUNYAI PELUANG EKONOMI YANG BOLEH DIBANGGAKAN, +

PERDANA MENTERI MENERANGKAN DENGAN ADANYA KOMPLEKS UMNO ITU YANG DISIFATKANNYA SEBAGAI TERINDAH DAN TERBESAR DI NEGARA INI BUKAN BERMAKNA PARTI ITU TELAH MENJADI SATU PARTI PERDAGANGAN TETAPI SEKADAR Mencari Punca Kewangan Untuk Membiayai Kos Politik yang kini semakin tinggi.

+SEBAGAI BADAN POLITIK KITA TIDAK MAHU TERLIBAT DENGAN PERNIAGAAN. KITA HENDAK MENJADIKAN BANGUNAN INI CUMA SATU PUNCA KEWANGAN BAGI PARTI DAN JUGA UNTUK MENEBUS BALIK HUTANG YANG DIPINJAM UNTUK MENDIRIKAN BANGUNAN INI, + TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA HASIL YANG DIPEROLEHI DARI BANGUNAN ITU AKAN DIGUNAKAN UNTUK MEMBIAYAI PERBELANJAAN BUPEJABAT UMNO MANAKALA BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO DAN PEJABAT DIPERINGKAT NEGERI PERLU MENDAPATKAN PEMBIAYAAN MELALUI BANGUNAN MASING-MASING YANG TELAH DIDIRIKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MERAYU DERMAWAN UMNO SUPAYA MEMBANTU PARTI DALAM MENYELESAIKAN HUTANG ITU.

+OLEH KERANA TIDAK AKAN ADA LAGI KOMPLEKS TERBESAR DAN TERINDAH DI NEGARA INI PADA MASA AKAN DATANG, SAYA BERHARAP SEMUA AKAN MENYEWAKAN BANGUNAN INI DAN JANGAN BERHARAP UNTUK MENDIRIKAN BANGUNAN LAIN MEMANDANGKAN KINI TERDAPAT BERLEBIHAN RUANG PEJABAT UNTUK DISEWA.

SEBELUM ITU MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, SELAKU Pengerus Jawatankuasa Bangunan UMNO BERKATA BAHAWA SETAKAT INI 70 PERATUS DARIPADA KERJA-KERJA PEMBINAAN KOMPLEKS BERHARGA LEBIH 400 JUTA ITU TELAH SEMPAT MENGIKUT JADWAL.

SEGALA KERJA PEMBINAAN DIJANGKA SELESAI PADA 30 SEPT. TAHUN DEPAN MENGIKUT PROGRAM PEMBINAAN YANG TELAH DIJADUALKAN UNTUK TEMPOH 34 BULAN.

KERJA YANG DIJADUALKAN UNTUK 10 BULAN AKAN DATANG TERMASUK MENYIAPKAN DEKOR, ALAT-ALAT KEMUDAHAN SERTA KELENGKAPAN YANG LAIN. -- LAGI.

MAHATHIR -UMNO 4 KUALA LUMPUR

KOMPLEKS ITU AKAN MENEMPATKAN IBUPEJABATUMNODI MENARA DATUK
ONN,PUSAT PERDAGANGAN DUNIA PUTRA DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UNTUK
BERKONVENSYEN DAN MENGADAKAN PAMERAN,

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKANUNTUK KDNVENSYEN DAN PAMERAN
ADALAH ANTARA YANG PALING MODENDIDUNIA,DEWAN-DEWAN YANG
BERBAGAI-BAGAI SAIZ BOLEH MENEMPATKAN SERAMAI 6,500 ORANG UNTUK
BERSIDANG SEKALI GUS PADA SATU-SATU MASA.

DEWAN PAMERAN YANG DIBERI NAMA DEWAN PAMERAN TUN RAZAKIALAH SELUAS 15,251 METER PERSECI DAN MERUPAKAN YANG TERBESAR DI TENGGARA ASIA. DEWAN PLENO PULA YANG DINAMAKAN DEWAN MERDEKA AKAN MENJADI TEMPAT PERHIMPUNAN AGUNG PARTI.

MENARA PEJABAT AKAN DISEWAKAN SECARA TERPILIH KEPADA JABATAN-JABATAN KERAJAAN, PERBADANAN-PERBADANAN ANTARABANGSA DAN SYARIKAT-SYARIKAT PERNIAGAAN. -- BERNAMA.
1416MST 06 12.84